



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



## **Teks Ucapan Alu-aluan**

**Oleh**

**YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN**

**Timbalan Ketua Pengarah**

**Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi**

**Agensi Nuklear Malaysia**

**Sempena**

**Majlis Makan Malam dan Perasmian  
Persidangan & Bengkel Perlindungan Sinaran 2024  
(RPCW 2024)**

**Pada**

**17 September 2024, 7.45 Malam**

**Di**

**Holiday Villa, Johor Bahru**

**Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**(Salutasi akan dikemaskini dari masa ke masa)**

- 1. YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman bin Hassan**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
  
- 2. Yang Berusaha Ts. Dr. Husaini bin Salleh**  
Presiden Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA)
  
- 3. Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza bin Mohamad Hasan**  
Pengerusi Jawantankuasa Penganjur Persidangan & Bengkel  
Perlindungan Sinaran 2024
  
- 4. Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri Johor**
  
- 5. Dif-dif Jemputan, Wakil-wakil Media**
  
- 6. Dan seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), (MOSTI) kerana sudi melapangkan masa untuk hadir dan bersama-sama kita malam ini dan seterusnya merasmikan Persidangan & Bengkel Perlindungan Sinaran 2024 (RPCW 2024).
2. Saya mewakili penganjur persidangan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua para jemputan yang hadir bagi sama-sama meraikan majlis makan malam dan perasmian persidangan pada malam ini. Kehadiran tuan puan semua mencerminkan komitmen yang tinggi bagi meningkatkan mutu perkhidmatan sektor awam.
3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran para peserta persidangan serta pembentang kertas kerja yang tidak putus-putus memberi sokongan padu kepada penganjur untuk menjayakan program ini. Pada pengamatan saya, kehadiran tuan puan sudah menunjukkan betapa tuan puan mempunyai kesungguhan dan kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan keselamatan sinaran dan budaya kerja yang selamat.
4. Seperti mana persidangan yang lepas, peserta program kali ini juga terdiri daripada pengamal sinaran daripada sektor industri dan awam meliputi pelbagai peringkat profesional, dengan satu matlamat iaitu untuk mempertingkatkan amalan perlindungan

sinaran yang terbaik di Malaysia. Bagi pihak jawatankuasa penganjur, saya ucapkan ‘Selamat Datang’ kepada semua. Saya amat terharu kerana dapat bertemu kembali dengan rakan-rakan industri yang sentiasa menyokong dan tidak jemu mengikuti persidangan ini saban tahun dan amat mengalu-alukan peserta yang baru pertama kali bersama di sini.

**Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,**

5. Persidangan & Bengkel Perlindungan Sinaran 2024 kini telah melangkah masuk tahun ke-25 perlaksanaannya. Persidangan ini merupakan anjuran tahunan Agensi Nuklear Malaysia bersama Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA), dengan kolaborasi Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) dan disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
6. Persidangan dan bengkel selama 4 hari ini dengan bertemakan **“Enhancing Radiation Safety Practices: Innovations and Emerging Technologies”** merupakan wadah ilmu terbaik untuk golongan profesional yang berkecimpung dalam bidang teknologi sinaran, untuk memperluas dan berkongsi maklumat terkini berkaitan amalan sinaran yang bertepatan dengan piawaian keselamatan dan peraturan negara. Persidangan ini akan berjalan selama 2 hari, disusuli dengan sesi bengkel dan sesi forum pada hari ke-tiga, serta sesi ulang kaji (*refresher session*) dan lawatan teknikal pada hari ke-empat.

7. Alhamdulillah, pada tahun ini, struktur pemberian mata CEP telah dikemaskini oleh Jabatan Tenaga Atom, di mana jumlah mata CEP berbeza diberikan untuk peserta yang mengikuti pakej-pakej program yang berbeza. Pemberian nilai mata CEP untuk kehadiran di persidangan pada hari pertama dan kedua ialah 15 mata, manakala kehadiran untuk persidangan, sesi bengkel dan sesi forum diberi 21 nilai mata CEP.
8. Untuk tuan puan yang memilih untuk menghadiri program ini secara penuh, iaitu menghadiri persidangan, sesi bengkel, sesi forum dan sesi ulang kaji, tuan puan layak untuk mendapat 24 nilai mata CEP. Sijil-sijil dengan mata pemberat CEP yang berlainan ini sah untuk diguna pakai bagi tujuan pembaharuan lesen pengamal penggunaan sinaran oleh Atom Malaysia. Tidak dilupakan para teknologis turut menerima 24 nilai mata CEP MBOT untuk persidangan ini.
9. Saya pasti pemberian CEP oleh pihak Atom Malaysia dan MBOT ini menjadi daya tarikan dan membuka ruang kepada peserta untuk mengumpul mata CEP, dan ini merupakan pendekatan terbaik dan berjaya mengumpul lebih kurang 200 orang peserta daripada pelbagai sektor industri dan institusi awam dari seluruh negara.

**Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,**

10. Persidangan kali ini melibatkan sejumlah 19 kertas pembentangan yang terdiri daripada 1 kertas ucap tema, 3 kertas ucap utama dan 15 kertas kerja dengan topik yang menarik dan berkait langsung dengan tema persidangan. Pembentang ucap utama dan

pembentang kertas kerja terdiri daripada pakar-pakar tempatan dan luar negara yang dijemput khas bersesuaian dengan kepakaran masing-masing. Saya berharap para peserta dapat menggunakan peluang ini untuk berkongsi sebanyak mungkin pengetahuan dan pengalaman masing-masing untuk kebaikan bersama.

11. Saya juga memohon kerjasama semua peserta untuk dapat mengambil bahagian secara aktif dan interaktif semasa sesi bengkel dan forum berlangsung. Saya berharap para peserta dapat menjana idea-idea yang bernas semasa perbincangan kelak. Idea-idea yang diketengahkan akan dikumpul dan dibawa kepada pengetahuan dan pertimbangan pihak yang bertanggungjawab untuk diambil tindakan sewajarnya.

**Yang Berbahagia Datuk, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,**

12. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menyatakan penghargaan dan merakamkan rasa terima kasih kepada YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), MOSTI kerana sudi meluangkan masa dalam majlis pada malam ini.
13. Dan juga dif-dif jemputan, pasukan urus setia yang terdiri dari Nuklear Malaysia, ahli MARPA, rakan Kerjasama - Atom Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, jabatan-jabatan persekutuan dan negeri, yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, serta pihak media yang telah memberi sokongan serta bantuan sehingga persidangan ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

14. Semoga perhimpunan kita ini diberkati oleh Allah SWT, dan kepada para peserta, saya ucapkan selamat bersidang dan berbengkel.

Sekian, Terima kasih.